

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH**  
**KAWASAN : LIMBANG**  
**TARIKH : 11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**YB TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan memandangkan Lebuh Raya Borneo Utara (LBU) fasa dua sudah ditangguhkan dapatkah Kerajaan memberi peruntukan untuk membaik pulih dan menaik taraf jalan persekutuan utama di daerah Limbang, Lawas yang merupakan jalan penghubung utama dari Kuching ke Kota Kinabalu yang sudah semakin reput dan membahayakan pengguna.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian ini mengambil maklum berkenaan keadaan jalan Persekutuan di daerah Limbang dan Lawas. Untuk makluman Yang Di Pertua, jumlah panjang jalan Persekutuan di Bahagian Limbang yang disenggara oleh syarikat konsesi adalah sepanjang 117.200 km. Adalah dianggarkan sebanyak RM 3.8 juta setiap tahun diperuntukkan oleh Kementerian ini untuk melaksanakan program penyenggaraan rutin. Kementerian juga telah membelanjakan sebanyak RM19.48 juta untuk penyenggaraan berkala pavemen bagi tempoh tahun 2016 hingga 2019.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa sekarang, Kerajaan tiada perancangan untuk menaiktaraf jalan persekutuan utama di daerah Limbang dan Lawas yang merupakan jalan penghubung utama dari Kuching ke Kota Kinabalu. Penambahbaikan keadaan jalan akan dilaksanakan melalui kerja-kerja berkala pavemen sahaja.

Untuk makluman Ahli Berhormat juga, pihak Kerajaan telah pun meluluskan Projek Sarawak - Sabah Link Road (SSLR) Pakej 1 yang melibatkan pembinaan jalan sepanjang 90 km yang akan menghubungkan Lawas ke Kg. Pa' Berunut.

Sekian, terima kasih.